

**BAB KETIGA**

## PERANCANG KELUARGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

### 1.1 Kepentingan Perkahwinan dan Keturunan Menurut Syariat Islam

#### 1.1.1 Perkahwinan dalam Islam

Sebelum membincangkan permasalahan perancang keluarga dari suatu perspektif Islam, ada baiknya penulis menyentuh dahulu serba sedikit tentang perkahwinan. Ini kerana kebiasaan umat manusia yang melibatkan usaha merancang keluarga itu adalah lanjutan dari perkahwinan. Secara amnya, tanpa perkahwinan, masalah kebiasaan dan pencegahan hamil itu tentulah tidak tiba-tiba. Pun begitu, perkahwinan tentulah tidak dapat dielewati kerana ia merupakan 'hajat masyarakat' dan tuntutan semulajadi kemanusiaan.

Pagi umat Islam, perkahwinan merupakan satu sunnah yang amat dituntut dan digalak melakukannya terutama oleh mereka yang berkecukupan dan sudah mencukupi syarat. Galakan seumpama ini dapat dilihat melalui sabda Rasulullah s.a.w. :

**يَا مَعْشِرَ الْمُبَاهِرِينَ مَنْ أَسْتَطَعَ مِنْكُمْ أَبْلَأَهُ فَلْيَزْوَجْ . فَإِنَّهُ أَغْرِى لِلْبَصَرِ .  
وَأَخْسَنَ لِلْفَرْجِ ، فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصُّومِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءَ ۚ (رواه الجماعة)**

Macamnya : " Wahai pemuda! Barangsiapa di antara kamu yang mampu untuk berkahwin maka hendaklah ia berkahwin kerana berkahwin itu dapat memandukkan penglihatan dan pengawal kehormatan. Barangsiapa yang tidak mampu maka hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu boleh mengurangkan syahwat."

Di samping menggalakkan berkahwin, Rasulullah s.a.w. juga melarang orang Islam dari hidup membujang. Ini dapat diperhatikan melalui hadith Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Qatadah :

وَعَنْ قِنَادَةَ عَنْ الْمَحْسَنِ هُنْ شَهْرَةٌ وَأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُنَى عَنِ التَّبَتَّلِ<sup>2</sup> - (رَوَاهُ التَّرمِيدِيُّ وَابْنُ مَاجَةَ)

Maksudnya : Dari Qatādah dari Hasan dari Samurah : Bahawa-sanya Nabi s.a.w. telah melarang dari hidup membujang.

5.1.2 Kepentingan keturunan dalam hidup berkeluarga menurut Islam

Matlamat utama perkahwinan menurut pandangan Islam adalah untuk melahir dan memperbanyakkan keturunan supaya dengan itu generasi manusia akan terus kekal di muka bumi ini hingga ke hari qiamat. Anjuran memperbanyakkan keturunan ini boleh dilihat menerusi sabda Rasulullah s.a.w. yang jelas menyarankan supaya seseorang lelaki itu berkahwin dengan wanita yang boleh beranak banyak (subur), misalnya :

**لَزَوْجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ ، فَإِنْ مُكَاهِرٌ بِكُمْ الْأَنْتِبِيَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ**  
— (رواية أنس)

Maksudnya : " Kahwinilah wanita yang penyayang, yang dapat beranak banyak kerana sesungguhnya aku berbangga dengan kamu terhadap nabi-nabi yang lain di hari qiamat."

Perasaan kasihsayang dan cinta seseorang kepada zuriatnya adalah suatu naluri semulajadi. Bagaimanapun, seseorang itu tidak seharusnya lalai bahawa zuriatnya itu adalah salah satu ujian Allah

ke atasnya. Sebagai hamba Allah, manusia sewajarnya memohon supaya dikurniakan zuriat yang baik dan dapat menggembirakan hati mereka.

Firman Allah s.w.t. :

**وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبُّنَا هُنَّ مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذَرِيَّاتِنَا فَرَأَيْنَا عَيْنَيْنِ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَفَقِّنِ إِمَامًا**  
(آية ٧٤ سورah al-Furqan)

Maksudnya : " Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: " Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami : perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa." <sup>4</sup>

Bagi orang Islam, nikmat yang dikurniakan Allah kepadanya melalui zuriatnya tidaklah terhenti setakat kehidupan di dunia semata-mata bahkan ianya berpanjangan hingga ke hari akhirat kelak. Ini jelas bilamana Allah meletakkan doa anak yang salih ke atas kedua ibubapanya sebagai suatu sedekah jariah yang tidak akan putus pahalanya. Dalam konteks ini, Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

**إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ أَنْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يَنْتَفَعُ بِهِ  
أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ** <sup>5</sup> — ( صحيح مسلم )

Maksudnya : " Apabila mati seseorang manusia itu maka terputuslah pahala amalnya kecuali dari tiga perkara; dari sedekah jariahnya, dari ilmunya yang dimanfaatkan atau dari anak salih yang mendoakannya."

Bagi diri wanita khususnya, kalauolah ia benar-benar mengetahui tentang keutamaan besar yang bakal diperolehinya hasil daripada pengorbanannya melahir dan mendidik anak-anak dengan sebaik mungkin,

percaya dia tidak akan melengah-lengahkan tugas ini malah sebaliknya, dia pasti merasa bertuah mempunyai seberapa ramai anak.

Namun perlu disedari, ramainya bilangan anak belum tentu dapat menyenangkan hati kedua ibubapa lebih-lebih lagi jika kebanyakannya anak itu lemah dan tidak sejahtera keadaannya.

Mungkin ada orang menyangka banawa zuriat yang ramai itu adalah satu bukti bahawa Allah sentiasa redha dan kasih kepadanya. Sebenarnya jika kita merujuk kepada al-Quran, kita akan mendapati bahawa zuriat yang banyak itu dikurniakan Allah baik kepada orang mukmin yang salih maupun orang kafir yang talih. Kerana itu maka ramai anak bukanlah neraca yang tepat untuk mengukur sejauhmana kedhaan dan kasih Allah kepada seseorang. Firman Allah Taala :

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِّنْ نَذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتَرْفُوهَا إِنَّا بِمَا أُرْسَلْتُمْ بِهِ كَافِرُونَ ،  
وَقَالُوا نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا ، وَمَا نَحْنُ بِمُعْذِّبِينَ ﴾ (٢٠، ٢٤ سورة سـا)

Maksudnya : " Dan Kami tidak mengutus kepada sesebuah negeri: seseorang Rasul pemberi amaran melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata : " Sesungguhnya kami tetap mengingkari apa yang kamu diutuskan membawanya". Dan mereka berkata lagi : " Kami lebih banyak harta benda dan anak-pinak, dan kami pula tidak akan diseksa." <sup>6</sup>

Dengan ini jelaslah bahawa banyak zuriat itu bukanlah kemungkin segala-galanya buat seseorang. Apa yang lebih penting, biarlah zuriat yang dilahirkan itu nanti membesar menjadi anak-anak yang

salih, yang lurus tingkahlaku dan yang sejahtera kedua agama dan dunia mereka.<sup>7</sup> Kalauolah 'ramai bilangan' dapat disertakan sekali-gus dengan 'sifat salih', bermakna dua kebaikan telah dapat dihimpunkan, dan kalauolah demikian halnya maka memang wajarlah ibubapa berusaha memperbanyakkan zuriat mereka. Jika tidak, maka 'sedikit bilangan tetapi baik' adalah lebih utama berbanding dengan 'ramai bilangan tetapi tidak berguna'.<sup>8</sup>

### 3.2 Petunjuk Al-Quran

Seperti yang sedia dimaklumi, al-Quran merupakan sumber hukum yang pertama bagi umat Islam. Justeru itu, dalam membuat penilaian sejauhmana Islam dapat menerima doktrin perancang keluarga , perlulah perkara ini dirujuk kepada al-Quran terlebih dahulu. Namun apa yang ketara, tidak terdapatpun 'nas qat'ie' (nas putus) yang jelas berhubung masalah ini di dalam al-Quran.<sup>9</sup>

Apa yang nyata, al-Quran memang ada menyebut dengan jelas tentang pembunuhan anak serta larangan melakukannya. Persoalannya, apakah boleh atau tidak larangan tersebut diaplikasikan sebagai larangan menggunakan kaedah-kaedah perancang keluarga yang tidak bersaksud membunuh tetapi sekadar menghindar kehamilan? Berikut ini mari kita perhatikan beberapa ayat al-Quran berhubung pembunuhan anak.

Firman Allah Taala :

وَكَذَلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قَتْلَ أَوْلَادِهِمْ شَرًّا كَفُورًا  
لِرُدُودِهِمْ وَلِيَلْسُوْأَ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ - سورة الانعام، آية 127

Maksudnya : " Dan demikianlah juga (jahatnya) ketua-ketua yang orang-orang musyrik itu jadikan sekutu bagi Allah, menghasut kebanyakan dari mereka dengan kata-kata indah yang memperlihatkan eloknya perbuatan membunuh anak-anak mereka, untuk membinasakan mereka dan untuk mengelirukan mereka mengenai agama mereka."<sup>10</sup>

Firman Allah Taala :

فَذَخَرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَهَرَمُوا  
مَارِزَقُهُمُ اللَّهُ أَفْتَرَهُمْ عَلَى اللَّهِ - سورة الانعام، آية 14

Maksudnya : " Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan, lagi tidak berpengetahuan (sedang Allah yang memberi rezeki kepada sekelian makhluknya), dan juga (rugilah orang-orang yang) mengharamkan apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka, dengan berdusta terhadap Allah."<sup>11</sup>

Berhubung dengan kedua ayat ini, ulama tafsir menyatakan bahawa orang-orang Arab Jahiliyan dahulu membunuh atau mananam anak mereka hidup-hidup lantaran takutkan kemiskinan, keaiban ataupun untuk dikorbankan sebagai persembahan kepada tuhan-tuhan berhalal mereka. Perbuatan membunuh anak khususnya kerana takutkan kemiskinan itu adalah berpunca daripada kebodohan dan kejahilan mereka bahawa Allah jualah sebenarnya yang menjamin rezeki mereka dan anak-

anak mereka.<sup>12</sup>

Firman Allah lagi :

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَئِكُمْ خَشْبَةً إِنَّمَا قُتْلُكُمْ تَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ  
 إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ حَطَّافًا كَبِيرًا ﴿٢١﴾ - (سورة الاسراء)

Makaudnya : " Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar."<sup>13</sup>

Dalam ayat di atas, Allah Taala menyatakan bahawa perbuatan membunuh anak itu adalah satu jenayah dan dosa yang besar. Ulama tafsir menyatakan bahawa ayat ini diturunkan untuk menegah perbuatan membunuh anak perempuan hidup-hidup yang mana diamalkan oleh orang-orang Arab Jahiliyah pada ketika itu kerana takut kononnya akan ditimpa kemiskinan.<sup>14</sup>

Secara khususnya, ayat-ayat tadi merujuk kepada perbuatan membunuh anak yang sudah wujud seperti mana yang diamalkan oleh orang-orang Arab Jahiliyah itu. Bagaimanapun, ada golongan ulama yang memakainya sebagai dalil tidak membolehkan perbuatan 'azl<sup>15</sup> (sebagai satu cara mencegah kehamilan yang popular pada zaman permulaan Islam).

### 5.3 Hadith-hadith Berkaitan 'Azi (العزل)

Seperti yang telah diterangkan terdahulu dari ini, syariat Islam sebagaimana yang dicerminkan melalui al-Quran dan hadith-hadith Nabi s.a.w., pada amnya menyeru dan mendorong manusia memperbaikkan keturunan. Kita juga telah mengetahui bahawa tidak ada nas qat'ie di dalam al-Quran yang membolehkan perancang keluarga. Akan tetapi, terdapat banyak hadith Nabi s.a.w berkaitan 'azl.

Jadi, bagi menilai sejauhmana doktrin perancang keluarga itu dapat diterima atau sebaliknya, eloklah kita perhatikan dahulu beberapa hadith berkaitan 'azl, antaranya<sup>16</sup>:

١ - (عَنْ جَابِرٍ قَالَ « كُنَّا نَعْزِلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْقُرْآنَ بَتَزِيلٍ » مَتَقَوَّلٌ عَلَيْهِ : وَمُسْلِمٌ « كُنَّا نَعْزِلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَلَغَهُ ذَكْرُ فَلَمْ يَتَهَنَّا ») :

Maksudnya : Dari Jabir katanya : " Kami pernah melakukan perbuatan 'azl dalam zaman Rasulullah s.a.w. ketika mana al-Quran masih turun." — Muttafaqun 'alaih. Dan dalam riwayat Muslim : " Kami pernah melakukan perbuatan 'azl dalam zaman Rasulullah s.a.w., lalu perkara itu sampai ke pengetahuan Baginda tetapi Baginda tidak melarang kami."

٢ - (وَعَنْ جَابِرٍ أَنَّ رَجُلًا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : إِنَّ لِي جَارِيَةً هِيَ خَادِمَتُنَا وَمَانِيَتُنَا فِي التَّخْلُلِ وَأَنَا أَطْوَفُ عَلَيْهَا وَأَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ ، فَقَالَ : اعْزِلْ عَنْهَا إِنَّ شِيفَتَ فَانَّهُ سَيَأْتِيهَا مَا قَدَرَ لَهَا ، رَوَاهُ أَخْمَدُ وَمَسْلِمٌ وَأَبْوَدَ أَوْدَ ) :

Maksudnya : Dari Jabir : " Bahwasanya seorang lelaki telah datang menemui Nabi s.a.w. lalu berkata : Sesungguhnya saya mempunyai seorang hamba perempuan. Dia membantu saya menjirus pohon-pohon tamar. Saya mensetubuhinya tetapi saya tidak mahu dia hamil. Lalu Baginda menjawab : Lakukanlah 'azl terhadapnya. Sesungguhnya akan beriaku kepadanya apa yang telah ditetapkan Allah untuknya."

٣ - (وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ «خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةِ بَنِي الْمُصْطَلَقِ فَأَصْبَاهَا سَبَبَا مِنَ الْعَرَبِ، فَاقْتَهَبَنَا النِّسَاءُ وَأَشْنَدَتْ عَلَيْنَا الْعَزْبَةُ وَأَحْبَبَنَا الْعَزْلُ»، فَسَأَلْنَا عَنْ ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ «مَا عَلَيْكُمْ أَنْ لَا تَفْعَلُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قدْ كَتَبَ مَا هُوَ خَالِقٌ لِي بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ، مُتَفَقَّعٌ عَلَيْهِ») :

Maksudnya : Dari Abu Sa'id katanya : " Kami keluar bersama-sama Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Bani Mustolaq dan kami telah berhasil menawan orang Arab. Kami mengingini golongan wanita, kami merasa sangat sukar tinggal bersendirian, dan kami ingin melakukan 'azl, lalu kami bertanya tentangnya kepada Rasulullah s.a.w. Baginda menjawab : Tidak ada apa-apa atas kamu jika kamu tidak melakukannya. Sesungguhnya Allah Azza Wajalla menentukan apa-apa yang ia kehendaki menjadikannya hingga ke hari qiamat."

٤ - وعن أبي سعيد قال : قالت اليهود العزل هو الموعودة الصغرى  
 فقال النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ «كَذَّتْ يَهُودُ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَوْ أَرَادَ أَنْ يَخْلُقَ شَيْئًا لَمْ يَسْتَطِعْ أَحَدٌ أَنْ يَصْرِفَهُ» . - (رواه أحمد و أبو داود)

Maksudnya : Dari Abu Sa'Id katanya : " Orang Yahudi berkata : 'Azl itu adalah 'al-mau'udatu as-sughra' (pembunuhan yang kecil). Baginda menjawab : Orang Yahudi itu telah berdusta. Sesungguhnya jika Allah hendak menjadikan sesuatu maka tidak ada sesiapa yang mampu menghalangnya."

هـ - عن اسامة بن زيد : ان رجلا جاء الى النبي ﷺ فقال : انى أعزل عن امرأتي فقال له ﷺ : « لم تفعل ذلك ؟ » فقال له الرجل : أشفع على ولدتها او قال على اولادها . فقال رسول الله ﷺ : « لو كان ضاراً - أى العزل - لضر فارس والروم » . - (رواه أحمد ومسالم)

Maksudnya : Dari Usamah bin Zaid : " Bahwasanya seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata : Aku melakukan perbuatan 'azl terhadap isteriku. Lalu Rasulullah s.a.w berkata kepada-nya: Mengapa engkau melakukan itu? Jawab lelaki itu : Aku kasihan kepada anaknya atau anak-anaknya. Rasulullah s.a.w. berkata : Kalaulah perbuatan 'azl itu merbahaya, sudah tentu ia telah membahayakan bangsa Parsi dan Rom."

٦ - (وَعَنْ جُذَامَةَ بْنِتِ وَهْبِ الْأَسْدِيَّةِ قَالَتْ هَذِهِ حَضْرَتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّاسِ وَهُوَ يَقُولُ : لَقَدْ هَمَنْتُ أَنْ أَنْهَى هَذِهِ الْفَيْلَةَ ، فَنَظَرَتْ فِي الرُّومِ وَفَارِسَ فَإِذَا هُمْ بِغَيْلُونَ أَوْلَادَهُمْ ، فَلَا يَنْهَا أَوْلَادَهُمْ شَيْئًا ، ثُمَّ سَأَلَهُ عَنِ الْعَزْلِ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ذَلِكَ الْوَادُ الْخَفْيَ - وَإِذَا الْمَوْرُودَةُ سُنْتَ - ، رَوَاهُ أَحْمَدُ وَمَسْلِيمٌ ) :

Maksudnya : Dari Juzamah bt. Wahab Al-Asadiyyah katanya : " Aku telah menghadirkan diri di hadapan Rasulullah s.a.w. bersama orang-orang lain, dan Baginda berkata ketika itu : Aku pernah berniat hendak menegah perbuatan ghilah tetapi aku lihat bangsa Rom dan Parsi, mereka itu melakukan perbuatan ghilah tetapi tidak pula mendatangkan sebarang bahaya kepada anak-anak mereka. Kemudian mereka bertanya kepada Baginda tentang 'azl, lalu Baginda Rasulullah s.a.w menjawab : Itu adalah perbuatan membunuh anak kecil secara halus (sembunyi) - Dan apabila anak kecil perempuan yang dibunuh itu ditanya - "

Ada beberapa perkara yang dapat diperhatikan melalui hadith-hadith tadi. Pertama sekali, pada segi zahirnya, kesemua hadith-

hal kecuali hadith terakhir, menunjukkan bahawa perbuatan 'azl adalah dibolehkan. Manakala hadith terakhir yang diriwayatkan oleh Juzamah bt. Wahab nampaknya menunjukkan larangan melakukan 'azl.<sup>17</sup>

Dengan itu, bererti seakan ada 'ta'arud' (pertentangan) diantara hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id (hadith yang menafikan perkataan orang Yahudi kerana mempersamaan perbuatan 'azl dengan 'al-mau'uðatu as-sughrā') dengan hadith yang diriwayatkan oleh Juzamah (hadith yang menyebut bahawa 'azl itu adalah 'al-wa'du al-khafi' (pembunuhan yang tersembunyi)).<sup>18</sup>

Untuk melerai konflik yang pada lahirnya terdapat dalam kedua hadith berkenaan, para ulama telah mengambil pendekatan yang berbeza-beza. Di antara mereka ada yang mengambil jalan 'menjamakan' (menggabungkan) kedua hadith itu, dan sebagai natijahnya, perbuatan 'azl dihukumkan 'makruh tanzih'.<sup>19</sup>

Segolongan ulama pula mengambil pendekatan 'mentad'ifkan' (memperlemahkan) hadith yang diriwayatkan oleh Juzamah dengan sebab ia bercanggah dengan hadith-hadith sahih lain yang diriwayatkan melalui banyak isnād.<sup>20</sup> Segolongan lain pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Juzamah itu dimansuhkan oleh hadith-hadith lain yang menunjukkan harus perbuatan 'azl. Akan tetapi pendapat ini tertolak kerana tidak menepati syarat 'nasikh' dan 'mansūkh'.<sup>21</sup>

Selain itu, ada yang mengambil pendekatan 'mentarjihkan' hadith yang diriwayatkan oleh Juzamah atas alasan bahawa hadith ini masih sabit kesahihannya manakala hadith-hadith yang sebaliknya memandunggi 'idtirāb' (keraguan) dari segi isnadnya. Sebagai misal, hadis ini dipegang oleh Ibnu Hazm Az-Zahiri.<sup>22</sup>

Kesimpulan daripada perbincangan sebentar tadi menunjukkan bahawa konflik yang wajud khasnya dalam kedua hadith berkenaan telah membawa kepada timbulnya beberapa cara pendekatan di kalangan ahli mazhab. Sebagai natijahnya, mereka telah berselisih pendapat tentang makna perbuatan 'azl di mana ada yang membolehkannya dan ada pula yang mengharamkannya.<sup>23</sup> Imam Al-Ghazali telah meringkaskan pendapat-pendapat ulama berhubung perbuatan 'azl dengan menyatakan bahawa terdapat ulama yang mengharuskan perbuatan tersebut secara mutlak, terdapat ulama yang mengharamkannya samasekali, terdapat ulama yang mengharuskannya dengan syarat keizinan isteri dan akhir sekali terdapat juga ulama yang hanya mengharuskannya terhadap hamba yang dimiliki sahaja.<sup>24</sup>

Perkara kedua yang dapat diperhatikan daripada hadith-hadith tersebut ialah, dari segi persoalan-persoalan yang dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w. berkenaan 'azl, nampaknya wujud beberapa motif yang mendorong sesetengah sahabat Baginda berbuat demikian, antara lainnya adalah berupa motif peribadi, motif sosial dan motif ekonomi.<sup>25</sup>

Ketiganya, melihat kepada jawaban-jawaban yang diberikan oleh Rasulullah terhadap pertanyaan-pertanyaan tentang 'azl, jelas sekali kita bahawa ianya adalah berbeza-beza. Ini tidak perlulah kita hairankan kerana seperti biasa, dalam kes-kes yang tidak melibatkan persoalan akidah, Baginda mempelbagaikan jawabannya justeru mengikuti keadaan-keadaan peribadi seseorang, keadaan persekitaran, perluhan semasa dan sebagainya.<sup>26</sup> Latar belakang yang beraneka macam ini menjadi satu faktor mengapa para ulama tidak sependapat dalam mengutarkan sebab-sebab rukhsah (kelonggaran) bagi membolehkan perbuatan 'azl. Sesetengah ulama memberikan ruang yang sempit bagi mengharuskan perbuatan tersebut, sesetengahnya memberikan ruang yang agak luas sedikit dan setengah yang lain pula memberikan ruang yang lebih luas lagi misalnya Iman Al-Ghazali.<sup>27</sup>

#### a) Pendapat Para Fuqaha Tentang Hukum 'Azl

##### 3.4.1 Mazhab Shafi'e

- a) Imam As-Shirazi mengatakan bahawa perbuatan 'azl adalah makruh berdasarkan hadith yang telah diriwayatkan oleh Juzamah. Kemudian dijelaskan bahawa jika perbuatan 'azl dilakukan terhadap hamba perempuan maka hukumnya adalah tidak halal. Begitu juga hukumnya jika dilakukan terhadap isteri dengan keizinannya.

Bagaimanapun, jika isteri tidak mengizinkan maka dalam hal ini ada dua pendapat. Pendapat pertama mengatakan tidak haram kerana isteri hanya berhak untuk 'istimta' '(bersedapsedap) dan tidak untuk 'inzal' '(ejakulasi mani). Pendapat kedua mengatakan haram kerana 'azl bererti memutuskan sebab keturunan (qat'u an-nasl) tanpa sebarang kemudarat. <sup>28</sup>

- b) Imam Al-Ghazali pula menyatakan bahawa pendapat yang paling sahih bagi beliau adalah harus (mubah). Bagi beliau, makruh pada perbuatan 'azl bukanlah dengan pengertian 'makruh tanzih' ataupun 'makruh tahrir' tetapi makruh kerana meninggalkan fadhilat atau perkara yang lebih utama, dan bukan kerana melakukan perkara yang terlarang.

Imam Al-Ghazali menggunakan dua jenis bukti untuk menyuatkan pendapatnya. Selain menggunakan nas-nas hadith yang menunjukkan harus perbuatan 'azl, beliau menggunakan prinsip 'qiyas jali' (analogi yang nyata). <sup>29</sup>

Beliau menyatakan kehamilan adalah berpunca daripada empat faktor yang terdiri daripada perkahwinan, persetubuhan, ejakulasi mani dan pertemuan mani (sperma) dengan telur matang dalam rahim. Menurut beliau, perbuatan menyekat faktor keempat sama seperti penyekatan faktor ketiga, seterusnya sama seperti penyekatan faktor kedua dan pertama. Walaupun

Allah Taala sangat menggalakkan manusia untuk berkahwin, mereka juga dibenarkan hidup bujang. Mengikut prinsip qiyas , kebenaran bagi menyekat faktor pertama (perkahwinan) boleh diguna untuk mengimplikasikan kebenaran bagi menyekat faktor keempat.

Selanjutnya Al-Ghazali menqiyaskan perbuatan mengejukulasikan mani oleh suami dan telur matang oleh isteri dengan dua unsur kontrak jualbeli iaitu ijab (tawaran) dan qabul (penerimaan). Menurut syariat Islam, perbuatan penjual menarik balik tawaran sebelum sempat pembeli menerimanya, tidaklah dianggap salah. Perbuatan mencegah kehamilan adalah hampir serupa dengan peraturan jualbeli. Sebarang perbuatan menyekat pertemuan sel sperma dan telur adalah dibenarkan justeru ia tidak sama dengan menggugurkan fetus (janin) yang telah wujud.<sup>30</sup>

#### 3.4.2 Mazhab Hanafi

- a) Ibnu Hummām menyatakan bahawa perbuatan 'azl itu harus dilakukan terhadap hamba perempuan yang dimiliki tanpa keizinannya. Begitu juga ianya harus dilakukan terhadap isteri tetapi dengan syarat ada keizinannya.<sup>31</sup>

b) Ibnu 'Abidin juga menyatakan pendapat yang sama seperti Ibnu Hummām. Malah 'azl boleh dilakukan terhadap isteri tanpa izinnya dalam keadaan zaman buru-hara (fasādu az-zaman).<sup>32</sup>

c) Imam Al-Kasāni pula menyatakan bahawa adalah makruh bagi seseorang melakukan perbuatan 'azl terhadap isterinya tanpa izin kerana itu bererti meluputkan haknya. Sebaliknya, jika dilakukan dengan izin maka tidaklah makruh kerana isteri telah redha haknya diluputkan.<sup>33</sup>

Jadi pada keseluruhannya, mazhab Hanafi membenarkan perbuatan 'azl terhadap isteri tetapi kebanyakannya dengan syarat mendapat keizinan isteri terlebih dahulu.

#### 3.4.3 Mazhab Hanbali

Ibnu Qudāmah menyatakan bahawa perbuatan 'azl adalah makruh.<sup>34</sup> Sementara itu, di dalam kitab Muntaha Irādāt pula disebutkan bahawa adalah haram melakukan perbuatan 'azl terhadap isteri tanpa izinnya kecuali dalam negara musuh (*dārul harb*) di mana ketika itu perbuatan tersebut tidaklah tertegah samasekali.<sup>35</sup>

#### 4.4 Mazhab Maliki

Imam Ad-Dusuqi menyatakan bahawa adalah harus melakukan 'azl terhadap isteri jika dia membenarkan sisuami berbuat demikian.<sup>36</sup> Umar Jazyi juga menyatakan pendapat yang sama seperti Ad-Dusuqi.<sup>37</sup>

#### 4.5 Mazhab Az-Zāhiri

Ibnu Hazm menyatakan bahawa perbuatan 'azl adalah haram. Pendapatnya disandarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Juza'i dan juga hadith mauqūf.<sup>38</sup>

Demikianlah tadi pendapat-pendapat para fuqaha berkaitan perbuatan 'azl. Sebagai ringkasannya, ada dua pendapat utama dalam hal ini. Pertamanya, pendapat yang membolehkan perbuatan 'azl dan keduanya, pendapat yang mengharamkan samasekali perbuatan tersebut.

Dalam pada itu, para fuqaha yang mengatakan perbuatan 'azl itu boleh dilakukan, pada amnya boleh dikategorikan kepada dua golongan pula. Satu golongan mengatakan bahawa perbuatan 'azl itu adalah harus manakala satu golongan lain pula mengatakan bahawa iaanya adalah makruh. Yang demikian itu adalah jika perbuatan tersebut dilakukan terhadap isteri. Jikalau ianya dilakukan terhadap

benda yang dimiliki pula maka para fuqaha sepakat mengatakan harus dilipung tanpa izin.

### 3. Pendapat Para Fuqaha Tentang Penggunaan Alat Atau Ubat Pencegah Kehamilan.

Hukum menggunakan alat atau ubat bagi mencegah kehamilan adalah pecahan (furu') daripada hukum asal yakni 'azl.<sup>39</sup> Berikut ini dikemukakan pendapat-pendapat para fuqaha berhubung masalah ini.

#### 3.5.1 Mazhab Shafi'e

Imam Zarkashi, sebagaimana yang disebutkan oleh Imam Ramli dalam kitabnya " Nihāyatul Muhtāj " mengatakan bahawa tidak mungkin (boleh) menggunakan apa-apa benda yang boleh mencegah kehamilan sebelum keluarnya air mani ketika bersetubuh.

Sementara itu, terdapat juga pendapat mengatakan bahawa adalah makruh menggunakan alat mencegah kehamilan. Bahkan ada juga yang mengatakan haram misalnya Sheikh 'Izzuddin dan 'Ammād bin Janus.<sup>40</sup> Ini bermakna terdapat tiga pendapat dalam mazhab Shafi'e iaitu harus, makruh dan haram.

#### 4.5.2 Mazhab Hanafi

Imam Ibnu 'Abidin menyatakan bahawa adalah harus bagi wanita menggunakan alat yang boleh menutup mulut rahimnya untuk tujuan mencegah sampainya air mani ke dalam rahim bagi mengelak berlakunya kehamilan.<sup>41</sup>

#### 4.5 Mazhab Hanbali

Terdapat dua pendapat dalam mazhab Hanbali berkenaan hal ini. Pendapat pertama mengatakan harus, dan dalam hubungan ini dinyatakan bahawa tidaklah ditegah menggunakan apa-apa yang melambatkan kehamilan tetapi tidak memberhentikannya samasekali.<sup>42</sup>

Sementara pendapat yang satu lagi mengatakan bahawa adalah ditegah (haram) menggunakan alat mencegah kehamilan.<sup>43</sup>

#### 4.5.4 Mazhab Maliki

Jamhur fuqaha mazhab Maliki mengatakan bahawa menggunakan alat atau ubat pencegah kehamilan adalah haram.<sup>44</sup>

Berdasarkan pendapat-pendapat fuqaha yang telah dikemukakan tadi, dapat disimpulkan bahawa para fuqaha berselisih pendapat tentang hukum menggunakan alat ataupun ubat untuk mencegah kehamilan.

Ada yang mengatakan harus, ada yang mengatakan makruh malah ada yang mengatakan haram.

Apa yang ketara, tidak semua fujaha yang membolehkan perbuatan 'azl, membolehkan juga penggunaan alat ataupun ubat pencegah kehamilan lainnya. Bagaimanapun, pendapat terbanyak dalam hal ini jelas mengatakan bahawa menggunakan alat ataupun ubat pencegah kehamilan adalah dibolehkan.

## 5.6 Pandangan Ulama Mutakhir Tentang Perancang Keluarga

### 5.6.1 Pandangan Imam Muhammad Shaltut

Imam Muhammad Shaltut di dalam bukunya " Al-Fatāwa " dengan jelas telah menggariskan sempadan yang berasingan di antara perancangan keluarga dalam ertikata 'pembatasan kelahiran' dengan perancangan keluarga dalam ertikata 'penyusunan kelahiran'.

Apa yang jelas, beliau menyatakan bahawa pembatasan kelahiran adalah satu idea yang bercanggah dengan syariat Islam, lebih-lebih lagi jika ia dikuatkuasakan secara undang-undang di mana setiap anggota masyarakat dimestikan menghadkan kelahiran setakat dilangan yang tertentu sahaja.

Di sebalik itu, Islam menerima dan mengharuskan penyusunan nikiran yang sifatnya hanya melibatkan pasangan suami-isteri sahbit secara sukarela, jelasnya ia tidak dipaksakan ke atas raja masyarakat, atas sebab-sebab yang munasabah di sisi syarak.<sup>45</sup>

#### 3. Pandangan Sayyid Sabiq

Sayyid Sābiq menyatakan bahawa Islam menggalakkan usaha menyayangkan keturunan. Pun begitu, dalam keadaan-keadaan tertentu, bukalah menegah seseorang merancang keluarga dengan caraambil ubat-ubatan atau menggunakan alat penghindar kehamilan.

Sebagai contoh, beliau menyatakan bahawa perancang keluarga haruskan dalam keadaan bilamana seseorang itu mempunyai terlalu banyak anak sehingga tidak mampu menyediakan pendidikan yang baik untuk mereka. Begitu juga ia diharuskan kepada wanita yang lemah pada tubuh badan atau yang terlalu kerap melahirkan anak. Lebih dari itu, beliau juga menukilkan pendapat sesetengah ulama bahawa merancang keluarga dalam keadaan yang seumpama di atas, bukan saharnya bahkan sunat dilakukan.<sup>46</sup>

#### 3.3 Pandangan Yusuf Qardhawi

Yusuf Qardhawi menyatakan bahawa Islam sangat menyukai banyak keturunan, dan setiap anak baik lelaki maupun perempuan ada-

diberi berkat oleh Allah Taala. Namun demikian Islam memberikan rukhsah kepada pasangan suami-isteri untuk menyusun kelahiran bilamana ada sebab-sebab dan keperluan yang munasabah.<sup>47</sup>

#### 4. Pendangan Sheikh Ahmad Muhammad 'Assaf

Beliau menyatakan bahawa pasangan suami-isteri boleh melakukan perancangan keluarga untuk menjarangkan kelahiran dengan menggunakan cara yang dibenarkan syarak bilamana ada sebab atau keperluan untuk berbuat demikian.

Di samping itu, beliau menyatakan bahawa adalah tidak harus bagi seseorang mengambil tindakan yang boleh membawa kepada pemberian tugas anggota peranakan, jelasnya menjalani operasi pemangkutan kerana ia merupakan pencabulan terhadap penciptaan Allah dengan jalan yang tidak hak.<sup>48</sup>

#### 5. Fatwa Persidangan Islam

##### 5.1 Persidangan Kedua Badan Penyelidikan Islam

Dalam persidangan yang diadakan di Kaherah pada Mei 1965 ini, halalma telah menetapkan beberapa keputusan berhubung masalah pencang keluarga. Keputusan tersebut antara lainnya menyebut bah-

perancang keluarga boleh dilakukan oleh pasangan suami-isteri sejak yang diperlukan sekiranya keadaan menghendaki mereka ber-  
iat demikian.

Akan tetapi, pengguguran atau penggunaan cara-cara yang bo-  
leh pemandulkan, untuk tujuan merancang keluarga adalah tidak bo-  
leh dilakukan di segi syarak. Selain itu, penggubalan undangs-  
ning bagi memaksa orangramai melakukan perancang keluarga juga  
tidak boleh samasekali dilakukan.<sup>49</sup>

. . .? Persidangan Agong Alim-ulama di Rabat, Maghribi (1971).

Persidangan ini membuat keputusan bahawa perancang keluarga  
boleh dilakukan dengan persetujuan kedua suami-isteri tanpa apa-  
juga paksaan, dengan menggunakan cara-cara yang selamat, untuk tu-  
juan menjarangkan kehamilan atas alasan yang munasabah dengan sya-  
ri. Ia tidak melibatkan pengguguran dan pemandulan kecuali di bawah  
keadaan darurat.<sup>50</sup>

Berdasarkan keterangan-keterangan ini dan juga perbicangan-  
erbincangan yang sebelumnya, dapat dibuat satu kesimpulan baha-  
ki doktrin perancang keluarga pada dasarnya, tidaklah bertentangan  
dengan lunas-lunas Islam. Para ulama sendiri pada keseluruhannya,  
sepakat bahawa perancang keluarga harus dilakukan jika ada

... alih yang munasabah di segi syarak, dengan menggunakan cara-cara yang juga dipandang harus oleh syarak.

### ... Alasan-alasan Yang Membolehkan Perbuatan Merancang Keluarga

Seperti yang telah disebutkan, kebanyakan ulama menyatakan bahwa perbuatan merancang keluarga adalah harus bilamana ada sebab atau alasan yang munasabah di segi syarak. Berikut ini adalah beberapa contoh alasan yang membolehkan seseorang merancang keluarga :

- 1) Isteri mengalami masalah kesihatan yang serius menyebabkan dia tidak berupaya untuk menanggung kehamilan.
- 2) Isteri tidak mampu memikul tanggungjawab mengasuh anak-anak dengan baik akibat terlalu kerap melahirkan anak.
- 3) Pasangan suami-isteri atau salah seorang dari mereka mengidap penyakit yang boleh menular dan dijakini akan menurun kepada zuriat, seterusnya menyebabkan zuriat berkenaan hidup sengsara akibatnya.
- 4) Siibu tidak mahu hamil semasa masih menyusukan bayi kerana khuatir anak yang sedang menyusu atau anak yang bakal dikan-

dung menghadapi risiko kesihatan.<sup>51</sup>

- 5) Pasangan suami-isteri sudah mempunyai beberapa orang anak dan mereka tidak upaya lagi memikul beban memberi pendidikan kepada anak-anak dengan cara yang sempurna.
- 6) Pasangan suami-isteri khuatir bilangan anak yang terlalu ramai akan membebankan mereka dari segi ekonomi sehingga menyebabkan mereka berkecenderungan melakukan aktiviti yang haram demi kepentingan anak-anak.
- 7) Keadaan zaman huru-hara, misalnya negara sedang dalam perang, musim kemarau yang panjang dan teruk atau negara sedang dilanda wabak penyakit yang merbahaya.<sup>52</sup>

#### **Kaedah Perancang Keluarga**

Apabila kita membincarakan persoalan perancang keluarga maka tidak dapat tidak ianya melibatkan soal penggunaan kaedah atau cara yang tertentu untuk mencapai tujuan tersebut. Pada dasarnya, kaedah perancang keluarga terbahagi kepada dua kategori iaitu :

- 1) penghindar kehamilan
- 2) penamatan kehamilan

Istilah penghendar kehamilan merujuk kepada sebarang aktiviti untuk mencegah wanita daripada menjadi hamil. Konsep ini merangkumi aktiviti menyekat telur matang daripada disenyawakan oleh sperma dan aktiviti menyekat telur matang yang sudah disenyawakan daripada ditanam dengan jayanya dalam dinding uterus (rahim).

Manakala istilah penamatian kehamilan pula merujuk kepada sebarang aktiviti untuk mencegah wanita yang sudah hamil daripada tebuhamil dan melahirkan bayi. Konsep ini merangkumi aktiviti menyekat zigot daripada terus tertanam pada dinding uterus dan aktiviti menyekat embrio atau fetus daripada terus hidup dalam uterus.

53

#### 1.1 Kategori Pertama : Kaedah Penghendar Kehamilan

Kaedah penghendar kehamilan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kaedah yang bersifat sementara dan kaedah yang bersifat kekal. Berikut ini dikemukakan keterangan ringkas tentang setiap-kaedah penghendar kehamilan :

##### a) Kaedah penghendar kehamilan yang bersifat sementara

Pada hakikatnya, terdapat banyak jenis kaedah penghendar kehamilan tetapi penulis akan menyebutkan beberapa jenis sahaja, antaranya :-

## .. Kaedah Penyusuuan

Perbuatan menyusukan bayi boleh memberi beberapa perlindungan kepada ibu yang baru bersalin daripada menjadi hamil. Biasanya dalam waktu penyusuuan, sebahagian besar wanita tidak akan hamil. Dalam tiga bulan pertama penyusuuan, 90 % wanita tidak akan hamil, tetapi peratus ini berkurangan sedikit selepas enam bulan dan selepas setahun, biasanya hanya 70 % sahaja yang berjaya menghindar kehamilan.<sup>54</sup>

## .. Kaedah Ritma

Kaedah ritma melibatkan pengiraan masa secara teliti bagi tujuan mengawal kemungkinan sel sperma yang aktif bertemu dengan telur matang dalam tiub fallopian. Kaedah ritma terbahagi kepada tiga jenis iaitu kaedah kalender, kaedah suhu dan kaedah lendir surviks.

Ketiga-tiga kaedah ini adalah bertujuan untuk menganggar jangkawaktu berlakunya ovulasi (proses pengeluaran telur matang). Ovulasi biasanya berlaku pada waktu pertengahan antara dua waktu haid. Antara 12 hingga 24 jam sebelum ovulasi, suhu badan asas (suhu badan yang paling rendah dialami oleh seseorang individu yang sihat semasa dia berada dalam keadaan sedar) akan menurun. Selain itu, dalam masa 24 jam sebelum ovulasi juga, air lendir surviks (leher rahim) yang bersifat 'spinnbarkeit' (jernih, licin dan boleh dililit)

rengganis) keluar dengan banyaknya.

Sebagai langkah mengelakkan kehamilan, pasangan yang memakai kaedah ini hendaklah 'berpantang' (menjauhkan aktiviti perkelaminan) dalam tempoh masa yang dianggap 'tak selamat' (dalam masa tujuh hari sebelum ovulasi berlaku dan dalam masa tiga hari sesudahnya).<sup>55</sup> (Sila lihat lampiran 3)

#### II. Kaedah 'Azl (Coitus Interruptus)

'Azl adalah istilah Bahasa Arab dan coitus interruptus adalah istilah Bahasa Roman (coitus = persetubuhan ; interruptus = gangguan). Kaedah ini melibatkan suami menarik keluar alat kelaminnya daripada faraj semasa proses ejakulasi mani hampir berlaku. Kaedah ini percuma dan selamat tetapi kadar kegagalannya adalah tinggi.<sup>56</sup>

#### III. Memakai Alat Kondom

Kondom ialah sejenis sarung yang dibuat daripada membran binatang atau getah. Ia digunakan oleh pihak lelaki pada masa persetubuhan untuk memungut air mani dan menyekat sel-sel sperma dari memasuki faraj.<sup>57</sup>

#### IV. Memakan Pil Kontraseptif

Istilah pil kontraseptif membawa maksud sebarang pil yang diambil melalui mulut bagi tujuan menghindar kehamilan.

52

pil kontraseptif mengandungi hormon-hormon buatan yang mana apabila dimakan oleh siwanita, akan menghasilkan satu keadaan yang tidak seimbang dalam tubuh sehingga kemungkinan pertemuan sel sperma dan telur matang adalah kecil sekali , dan kalaupun persenyawaan berlaku, penanaman telur dalam dinding uterus berkemungkinan besar akan menemui kegagalan.<sup>58</sup>

(Lihat lampiran 4 - beberapa jenis sampel pil kontraseptif)

#### ii. Penggunaan Alat Intrauterus (Alat Dalam Rahim)

Alat Intrauterus atau dalam Bahasa Inggerisnya disebut "Intrauterine Device" ringkasnya IUD, adalah sejenis alat yang dimasukkan dalam organ uterus dan ditinggalkan di situ bagi tujuan mencegah kehamilan. Kebanyakan IUD moden dibuat daripada bahan plastik (polythylene) yang disadur dengan sedikit bahan barium sulfat, tetapi ada juga yang dibuat dari pada logam tembaga. Kebanyakan model IUD moden mempunyai ekor yang dibuat daripada tali nylon, dan tali itu akan keluar dari mulut uterus semasa ia dipakai. (Lihat lampiran 5)

Kewujudan IUD dalam uterus mengubah beberapa faktor yang perlu bagi kehamilan yang mana kemudiannya mengganggu pula proses penanaman zigot. Di samping itu, IUD itu sendiri berkemungkinan besar akan bergeser dengan zigot yang telah tertanam dalam endometrium (dinding rahim) dan natijahnya , zigot itu akan rosak atau tercabut keluar.<sup>59</sup>

22

b) Kaedah penghindar kehamilan yang bersifat kekal

Apa yang dimaksudkan dengan kaedah penghindar kehamilan yang bersifat kekal ini ialah kaedah pemandulan (sterilization). Kaedah pemandulan ini dibahagikan kepada dua iaitu pemandulan lelaki dan pemandulan wanita.<sup>60</sup>

i. Pemandulan lelaki (vasektomi)

Kaedah vasektomi melibatkan satu operasi minor pada organ testis (buah zakar) untuk memotong dan mengikat vas deferens (saluran sperma) bagi menyekat sperma keluar dari pada epididimis (tiub berlingkar dalam organ testis).

(Lihat lampiran 6)

ii. Pemandulan Wanita

Kaedah pemandulan wanita boleh dikelaskan kepada tiga jenis iaitu :

1. Kaedah pemandulan yang melibatkan pembuangan organ uterus. Kaedah ini dipanggil 'histeroktomi'.
2. Kaedah pemandulan yang melibatkan pembuangan organ ovarii. Kaedah ini dipanggil 'oophorektomi'.
3. Kaedah pemandulan yang melibatkan kedua-dua tiub fallopian dipotong dan diikat atau diikat sahaja tanpa dipotong. Kaedah ini biasanya dipanggil 'pemandulan tiub' (tubal sterilization) atau 'ikat ti-

ub' (tubal ligation). (Lihat lampiran 7)

Kaedah yang pertama dan kedua adalah bersifat kekal mutlak. Bagaimanapun kedua-duanya hanya dilakukan jika wanita terbabit menghidapi penyakit kanser organ uterus atau kanser ovarи yang membahayakan. Kaedah ketiga, meskipun tidak kekal secara mutlak namun perlu diingat, penyambungan semula saluran peranakan (tiub fallopian) tersebut memerlukan kos yang besar dan pembedahan yang rumit. Di samping itu, penyambungan semula juga tidak selalunya berjaya menghasilkan kehamilan.

### 3.9.2 Kategori Kedua : Kaedah Penamatan Kehamilan

Dalam lain perkataan, kaedah penamatan kehamilan ialah kaedah pengguguran. Pengguguran dalam konteks perubatan Islam bermakasud perbuatan mengeluarkan kandungan rahim wanita hamil pada bila-bila masa sebelum cukup tempoh sembilan bulan.<sup>61</sup>

Terdapat berbagai cara dilakukan untuk tujuan pengguguran, baik moden maupun tradisi. Cara moden untuk tujuan itu antara lainnya ialah dengan mengambil dadah seperti ethinyl estradiol, equine estrogen atau diethylstilbestrol (DES), menyedut keluar kandungan rahim menggunakan alat penyedut<sup>62</sup> dan menjalani pembedahan

D & C (Dilatation and Curettage).<sup>63</sup>

3.10 Kaedah Perancang Keluarga Tradisi Di Kalangan Masyarakat Melayu.

Perancang keluarga bukanlah asing dalam masyarakat Melayu. Bila diselidiki, ternyata ada berbagai cara tradisi yang turun-temurun telah digunakan oleh mereka untuk merancang keluarga. Bagaimanapun, sejumlah besar cara-cara ini biasanya gagal dan adakalanya merbahaya.

Sebagai contoh, jagaan ibu selepas bersalin ada kaitannya dengan usaha menjarangkan kelahiran. 'Sengkak' pula adalah satu usaha menaikkan anggota peranakan supaya lambat hamil. Perbuatan sengkak ini merbahaya jika dilakukan beberapa hari selepas bersalin dan boleh menyebabkan tumpah darah (secondary post partum haemorrhage) serta menyebabkan anggota rahim terpesong ke belakang, mengakibatkan sukar mengandung lagi.<sup>64</sup>

Untuk menggugurkan kandungan, ada kalangan masyarakat Melayu menggunakan cara 'urut', memakan makanan yang diketahui bisa dan panas seperti nenas muda dengan tawas, air cuka dengan jamu, majun, meminum air akar-akar kayu dan memasukkan benda-benda tajam ke dalam rahim dan saluran peranakan misalnya sembilu, lalang, buluh dan sebagainya.<sup>65</sup>

3.11 Pandangan Islam Tentang Penggunaan Kaedah-kaedah  
Perancang Keluarga Tersebut.

Terdahulu dari ini, kita telah mengetahui bahawa doktrin perancang keluarga dalam ertikata penyusunan kelahiran tidaklah bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Namun demikian, apabila kita meneliti dan membincangkan perancang keluarga dari segi teknik pendekatan dan pelaksanaannya, beberapa kemungkinan mungkin berbangkit. Ini kerana sesuatu perkara itu walaupun pada dasarnya diharuskan, ia mungkin boleh jadi haram jika segi pelaksanaannya tidak menepati lunas-lunas syarak. Cara pelaksanaan ini patutlah diprihatinkan ketika seseorang individu itu hendak menggunakan sebarang kaedah perancang keluarga.

Menurut pandangan Islam, perbuatan merancang keluarga menggunakan kaedah pemandulan sama ada pemandulan wanita ataupun laki-laki, adalah haram kecuali di bawah keadaan-keadaan yang tertentu, misalnya bila diyakini dan disahkan oleh pakar perubatan yang boleh dipercayai bahawa tanpa berbuat demikian, akan membahayakan nyawa siibu atau menyebabkan menularnya sesuatu penyakit merbahaya kepada keturunan. Ini jelas kerana pemandulan bukan sahaja berlawanan dengan sunnah Rasulullah s.a.w. malah ia juga bererti mengubah ciptaan Allah Taala - mengubah fitrah semulajadi yang diciptakan oleh Allah Taala.

Perbuatan merancang keluarga menggunakan kaedah pengguguran adalah juga haram kerana ia merupakan satu jenayah terhadap janin. Pun begitu, Islam membolehkan pengguguran dilakukan di bawah keadaan darurat khususnya untuk tujuan menyelamatkan nyawa siibu.<sup>67</sup> Ini bersandarkan kepada kaedah fiqh yang berbunyi 'keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang' dan kaedah fiqh yang berbunyi 'apabila berlaku pertentangan di antara dua keburukan maka hindarilah keburukan yang lebih besar mudarat di antara keduanya dengan jalan melakukan keburukan yang lebih kecil mudaratnya'.<sup>68</sup> Di dalam hal ini, kemudarat yang bakal timbul akibat kematian siibu logiknya adalah lebih besar berbanding kemudarat yang bakal timbul akibat kematian bayi yang dikandung justeru ibu adalah asal keturunan sibayi. Jikalau siibu itu sudah sedia mempunyai beberapa orang anak, kematianya mungkin sekali akan mendatangkan kesusahan dan kerumitan kepada anak-anak yang sedia ada itu.

Sementara itu, penggunaan kaedah-kaedah lain selain daripada yang telah disebutkan tadi, amnya adalah mubah (harus) namun aspek pelaksanaannya perlulah diteliti. Dalam hubungan ini, syariat Islam ada meletakkan empat kaedah asas bagi membimbing manusia ke arah kebaikan semasa melakukan sesuatu aktiviti. Kaedah-kaedah itu adalah seperti berikut:<sup>69</sup>

- 1) Tidak merbahaya kepada diri sendiri.

Syariat Islam melarang seseorang muslim daripada mela-

kukan sesuatu perbuatan yang boleh membahayakan dirinya.

Firman Allah Taala :

وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِنِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ . - البَرَاءَةُ : ١٩٥

Maksudnya : " Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan."<sup>70</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w. :

لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارَ .<sup>71</sup> - ( رواه أحمد و ابن ماجه )

Maksudnya : Tidak boleh membuat bahaya dan membalas bahaya.

Dalam konteks perancangan keluarga, seseorang itu perlulah membuat pertimbangan risiko dan kemerbahayaan sesuatu kaedah perancangan dengan teliti sebelum menggunakan.

## 2) Tiada pemborosan

Islam melarang umatnya menggunakan harta peribadi secara boros dan berlebihan sebagaimana mereka dilarang bersifat kedekut dan kikir. Firman Allah Taala :

يَا أَيُّهُ الْأَنْبَيْتِ إِذْ أَخْذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوا وَأْشَرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ .  
الْأَعْرَافُ : ٢١

Maksudnya : "Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta

29

minumlah, dan jangan pula kamu melampaui lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."<sup>72</sup>

Dalam hubungan ini, ada kaedah perancang keluarga yang berkesan dan murah perbelanjaannya, ada yang berkesan tetapi mahal, ada yang tidak berkesan tetapi murah dan malah ada yang tidak berkesan serta mahal pula. Oleh itu, seseorang yang ingin menggunakan kaedah yang memerlukan pengeluaran belanja, perlulah mengenalpasti dirinya sendiri serta ciri-ciri sesuatu kaedah itu supaya kaedah itu betul-betul padan untuknya. Dengan cara itu, sesuatu perbelanjaan yang sia-sia dapat dielakkan.

### 3) Kebersihan dan kesucian

Islam sangat menekankan masalah kebersihan tubuh badan, pakaian, tempat tinggal, makan minum dan sebagainya pada setiap ketika. Kebersihan dan kesucian amat penting terutamanya untuk mengerjakan ibadat seperti solat. Sabda Nabi :

73

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْطَّيِّبَاتِ، نَيْنِفِيْتِ، يُحِبُّ النَّظَافَةَ، جَوَادُ يُحِبُّ الْجَوَادَ.

(رواه الترمذى) -

Maksudnya : Sesungguhnya Allah itu baik, mencintai orang-orang yang baik; Dia bersih, mencintai kebersihan; Dia pemurah, mencintai orang-orang yang pemurah.

Faktor kebersihan ini perlu diambil kira semasa memiliki kaedah perancangan kerana ada kaedah-kaedah seperti pil dan IUD yang boleh membuat waktu haid wanita menjadi tidak teratur, panjang dan banyak darah. Hal ini mungkin mengganggu ibadat terutamanya ibadat solat dan puasa.

#### 4) Tiada syubahat

Dalam konteks perancangan ini, istilah syubahat membawa maksud satu kaedah kontraseptif yang belum jelas burukbaiknya, sehingga hukum mengenai penggunaannya tidak boleh ditetapkan dengan jitu.

Sebagai contoh, dari segi keberkesanan, IUD adalah satu kaedah kontraseptif yang tinggi kadar keupayaannya. Akan tetapi dari segi strategi gangguan, IUD adalah satu kaedah yang bersifat syubahat kerana antara lainnya ia melibatkan gangguan kepada zigot (telur matang yang telah disenyawakan oleh sperma) menyebabkan zigot gagal menanam dirinya di dinding uterus.

Dalam masalah syubahat ini, Islam telah meletakkan dasar wara' (sikap berhati-hati kerana takut terjatuh kepada perkara haram). Mereka yang bersifat wara' akan menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara syubahat. Dalam konteks perancangan keluarga, bererti mereka sedaya-upaya akan

mengelakkan penggunaan kaedah yang bersifat syubahat.

Firman Allah Taala :

يَنْكُ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا - سُورَةُ الْبَقَرَةِ، آيَةُ ١٨٧

Maksudnya : "Itulah batas-batas larangan Allah maka janganlah kamu menghampirinya."<sup>74</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w. :

دَعْ مَا يَرِيكَ إِلَى مَا لَا يَرِيكَ<sup>75</sup> - (برواه الترمذى والنسائى)

Maksudnya : Tinggalkan apa yang meragukanmu kepada apa yang tidak meragukanmu.

### 3.12 Perancang Keluarga Merupakan Persoalan Persendirian

Seperkara lagi yang kita patut jelas iaitu perancang keluarga menurut pandangan Islam adalah merupakan persoalan persendirian. Jelasnya, persoalan sama ada hendak merancang keluarga ataupun sebaliknya adalah terpulang kepada pilihan secara sukarela seorang individu atau pasangan suami-isteri terbabit.

Negara atau pihak pemerintah tidak boleh samasekali mewajib atau menggalakkan setiap anggota masyarakat supaya mengamalkan perancang keluarga. Ini justeru ianya bercanggah dengan fitrah semu-

lajadi kehidupan, maslahat masyarakat umum dan prinsip utama perkahwinan yang bertujuan untuk memperbanyakkan keturunan.<sup>76</sup>

walaupun demikian, ini bukan bermakna kerajaan yang memerintah itu tidak boleh langsung berbuat apa-apa. Sebenarnya kerajaan perlu melakukan berbagai perkara berhubung perancangan keluarga pada tahap masyarakat. Sebagai contohnya, kerajaan perlu mendidik masyarakat mengenai cara yang betul untuk menyusun saiz keluarga dan menerangkan tentang penyalahgunaan kaedah perancangan keluarga dari kacamata Islam.<sup>77</sup>

Notakaki

- 1 Muhammad bin 'Ali bin Muhammad As-Syaukāni, Nailul Autār, juz 5, cet. akhir, Maktabah Mustafa Al-Baby Al-Halaby, t.t., hal. 118.
- 2 Ibid.
- 3 Ibid.
- 4 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, cet. 3, K. Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1985, hal. 935 - 936.
- 5 Imam Abi Al-Husin Muslim bin Al-Hajjāj Al-Qusyairie An-Naisābūri, Sahih Muslim, juz 3, cet. 1, Daru Ihya' Al-Kutub Al-'Arabiyyah 'Isa Al-Baby Al-Halaby, 1955, hal. 1255.
- 6 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, op.cit, hal. 1134 - 1135.
- 7 Dr. Inas 'Abbās Ibrahim, Ri'āyatū At-Tufūlāh Fi As-Syāriah Al-Islāmiyyah, cet. 1, Kuwait : Dar Al-Buhuth Al-'Ilmiyyah, 1985, hal. 147.
- 8 Ibid.
- 9 Abu Bakar Hamzah, Perancang Keluarga, cet. 1, A. Star : Pustaka Ikhwan Press, 1970, hal. 30.
- 10 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, op. cit, hal. 327.
- 11 Ibid, hal. 328.
- 12 Muhammad 'Ali As-Sabūni, Safwatu At-Tafāsīr, jilid 1, cet. 4, Beirut : Dar Al-Qurān Al-Karīm, 1981, hal. 421 - 422.
- 13 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, op. cit, hal. 683.
- 14 Muhammad 'Ali As-Sabūni, Safwatu At-Tafāsīr, jilid 2, cet. 4, Beirut : Dar Al-Qurān Al-Karīm, 1981, hal. 159.
- 15 Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Ansāri Al-Qurtūbi, Al-Jāmi' Li Ahkāmi Al-Qurān, juz 7, Kaherah : Dārul Kātib Al-'Araby, 1967, hal. 132.
- 16 As-Syaukāni, op. cit, hal. 220 - 221.
- 17 Dr. Muhammad Sa'id Ramadan Al-Būti, Tahdīd An-Nasl - Wiqayatan Wa 'Ilājan, cet. 2, Maktabah Al-Farābī, t.t., hal. 25.

- 18 Ummu Kalthum Yahya Mustafa Al-Khatib, Qhadīyyatu Tahdīd An-Nasl  
Fi As-Syari'ah Al-Islamiyyah, cet. 3, Dar As-Sa'udiyyah, 1984,  
hal. 118.
- 19 As-Syaukāni, op.cit, hal. 223.
- 20 Ibid.
- 21 Dr. Muhammad Sa'id Ramadān Al-Būtī, op.cit, hal. 28.
- 22 As-Syaukāni, op.cit.
- 23 Muhammad Abu Zuhrah, Tanzim Al-Usrah wa Tanzim An-Nasl, Darul  
Fikri Al-'Arabi, t.t., hal. 94.
- 24 Imam Abū Ḥāmid Muhammād bin Muhammād Al-Ghazālī, Iḥyā' 'Ulūmīddin,  
juz 2, Beirut : Darul Ma'rifah, t.t., hal. 51.
- 25 Dr. Subhi As-Sāleḥ, Ma'ālim As-Syari'ah Al-Islamiyyah, cet.2,  
Beirut : Darul 'Ilmi Lil Malayin, 1978, hal 18.
- 26 Ibid, hal. 17.
- 27 Muhammad Abu Zuhrah, op.cit, hal. 98.
- 28 Yahya Ibnu Syaraf An-Nawawi, Al-Majmu' Syarhul Muhazzab, juz 15,  
Mesir : Matbaah Al-Imām, t.t., hal. 577 - 578.
- 29 Al-Ghazālī, op. cit.
- 30 Nik Aziz Nik Pa, Islam Dan Perancang Keluarga - Cara Dan Hukum,  
cet. 1, Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, 1986, hal. 251 - 252.
- 31 Kamaluddin Muhammād bin Abdul Wahid, Ibnu Hummām, Fathul Qadīr,  
juz 2, cet. 1, Mesir : Matba'ah Al-Kubra Al-Amiriyyah, 1315 H,  
hal. 494.
- 32 Ibnu 'Abidīn, Hāsyiah Raddul Mukhtār, juz 3, cet. 2, Mesir : Mat-  
ba'ah Mustafa Al-Baby Al-Halaby, 1966, hal. 175.
- 33 'Alāmuddin Abu Bakar bin Sa'ūd Al-Kāsāni, Bādā'e' As-Sonā'e' Fi  
Tartībi As-Syārā'e', juz 3, Mesir : Matba'ah Al-Imām, t.t.,  
hal. 1553.
- 34 Abu Muhammad 'Abdillah bin Ahmad bin Muhammād bin Qudāmah,  
Al-Mughnī, juz 7, Mesir : Maktabah Ar-Riyād , t.t., hal. 24.
- 35 Abu Bakar Hamzah, op.cit, hal. 50.

- 36 Syamsuddin As-Sheikh Muhammad Ad-Dusuqi, Hasyiah Ad-Dusuqi 'Ala Syarhil Kabir, juz 2, Mesir : 'Isa Al-Baby Al-Halaby Wa Syari-katu, t.t., hal. 266.
- 37 Dr. Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti, op.cit, hal. 30.
- 38 Ibid, hal. 31.
- 39 Imam Muhammad Isma'il Al-Kahlani, Subulus Salam Syarhu Bulughul Maram, juz 3, jilid 2, Darul Fikri, t.t., hal. 146.
- 40 Shamsuddin Muhammad bin Abi Al-'Abbas Ahmad bin Hamzah Ibni Shihabuddin Ar-Ramli, Nihayatul Muhtaj, juz 8, cet. akhir, Maktabah Mustafa Al-Baby Al-Halaby, 1967, hal. 443.
- 41 ..  
Ibnu 'Abidin, op.cit, hal. 175.
- 42 Abu Bakar Hamzah, op.cit, hal. 53.
- 43 ..  
Sheikh Ibnu Taimiyah, Fatawa An-Nisa'a', Kaherah : Maktabah Al-Quraan, t.t., hal 302.
- 44 Imam Hassan Al-Banna, Tahdид An-Nasl, cet. 2, Darul I'tisam, 1985, hal. 43.
- 45 ..  
Imam Muhammad Shaltut, Al-Fatawa, cet.3, Darul Qalam, t.t., hal. 294 - 295.
- 46 ..  
Dr. Inas 'Abbas Ibrahim, op.cit, hal. 159.
- 47 ..  
Dr. Yusuf Al-Qardhawi, Al-Halal Wal Haram Fil Islam, Republik Arab Saudi.: Wizaratu Al-Maktabat Al-Ma'arif Al-Madrasiyah, t.t., hal. 188.
- 48 ..  
Sheikh Ahmad Muhammad 'Assaf, Al-Halal wal Haram Fil Islam, cet. 5, Beirut : Dar Ihya' Al-'Ulum, 1986, hal. 140 - 142.
- 49 ..  
Ummu Kalthum Mustafa Yahya Al-Khatib, op.cit, hal. 88.
- 50 ..  
Wan Muhammad, Pandangan Islam Terhadap Perancang Keluarga, Kursus Bimbingan Rumahtangga, P.Pinang, 17 Okt. 1976, hal.8.
- 51 ..  
Dr. Inas 'Abbas Ibrahim, op.cit, hal. 141.
- 52 ..  
Nik Aziz Nik Pa, op.cit, hal. 255 - 256.
- 53 ..  
Ibid, hal. 2.
- 54 ..  
Prof. Dr. Hamid Arshat, Titisan Zuriat, cet. 5, Selangor : Pustaka Wira, 1989, hal. 124.

- 55 Nik Aziz Nik Pa, op.cit, hal. 98 - 116.
- 56 Ibid, hal. 69 - 72.
- 57 Ibid, hal. 78.
- 58 Ibid, hal. 160 - 164.
- 59 Ibid, hal. 122 - 123.
- 60 Ibid, hal. 196 - 216.
- 61 Ummu Kalthum Yahya Mustafa Al-Khatib, op.cit, hal. 149.
- 62 Nik Aziz Nik Pa, op.cit, hal. 2.
- 63 Prof. Dr. Hamid Arshat, Panduan Wanita, cet. 6, K. Lumpur : Alsafa Trading, 1989, hal. 90.
- 64 Dr. Nor Laily Aziz, Perancang Keluarga, Mukttamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Malaysia Yang Kedua, K.Lumpur, 1 - 3 April 1977, hal. 16.
- 65 Nafsiah Omar, Perancang Keluarga Dari Segi Sosio-Budaya, Mukttamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Malaysia Yang Ke 2, K.Lumpur, 1 - 3 April 1977, hal. 5.
- 66 Ummu Kalthum Yahya Mustafa Al-Khatib, op.cit, hal. 143 - 145.
- 67 Ibid, hal. 164 - 167.
- 68 Imam Jalaluddin Abdul Rahman As-Sayuti, Al-Asybah Wan-Nazair, cet. 1, Beirut : Darul Kutub Al 'Ilmiyyah, 1983, hal. 84 & 87.
- 69 Nik Aziz Nik Pa, op.cit, hal. 258 - 262.
- 70 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, op.cit, hal. 73.
- 71 Mustafa Abdul Rahman, Hadith Empat Puluh, cet. 1, P.Pinang : Maktabah Al-Haj Abdullah bin Muhammad Nuruddin Ar-Rawi, 1966, hal. 423.
- 72 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, op.cit, hal. 347.
- 73 Nik Aziz Nik Pa, op.cit, hal. 261.
- 74 Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, op.cit, hal. 71.
- 75 Mustafa Abdul Rahman, op.cit, hal. 218.

76

Ummu Kalthum Yahya Mustafa Al-Khatib, op.cit, hal. 147.

77

Nik Aziz Nik Pa, op.cit, hal. 4.